

**KAJIAN SISTEM PENGERINGAN PAKAIAN UNTUK KEDIAMAN YANG  
MEMPUNYAI RUANGAN TERHAD.**

**NOOR ASHIKIN BINTI ISMAIL**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka Perindustrian)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2007

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN**

**JUDUL : KAJIAN SISTEM PENGERINGAN PAKAIAN UNTUK KEDIAMAN YANG MEMPUNYAI RUANGAN TERHAD.**

**SESI PENGAJIAN : 2004/2007**

**Saya : NOOR ASHIKIN BINTI ISMAIL**

Mengaku membenarkan tesis/Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penulis

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Alamat Tetap :  
8-B Kampung Banggol Mempelam, Serada  
20050 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.

Catatan : \*Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Kajian Sistem Pengeringan Pakaian Untuk Kediaman Yang Mempunyai Ruang Terhad** telah disediakan oleh **Noor Ashikin Binti Ismail** dan telah disediakan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka Perindustrian**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

Penyelia,

(En.Musdi Bin Hj Shanat)

Tarikh: \_\_\_\_\_

## PENGESAHAN

Adalah dengan ini diakui kajian bertajuk “ Kajian Sistem Pengeringan Pakaian Untuk Kediaman Yang Mempunyai Ruangan Terhad ” disediakan dan dikemukakan oleh Noor Ashikin Binti Ismail sebagai sebahagian dengan keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif ( Kepujian ) dalam Program Seni Reka Perindustrian telah Diterima.

Disahkan oleh:

.....  
En.Musdi Bin Hj.Shanat  
( Penyelia 1 )

.....  
En.Musdi Bin Hj.Shanat  
Ketua Program Teknologi Seni Reka  
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak

.....  
Prof.Madya Dr.Hj Khairul Aidil Azlin Bin Abd Rahman  
Timbalan Dekan  
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran ilahi kerana dengan izinnya dapatlah saya menyiapkan buku penulisan ilmiah ini pada waktu yang ditetapkan. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepadasemua pihak yang telah membantu saya samada dari segi pengetahuan, kewangan, masa dan kepakaran dalam menyempurnakan penulisan buku ini.

Penghargaan yang tidak terhingga ini saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah seni reka perindustrian dan juga semua staf difakulti Seni Gunaan dan Kreatif terutamanya kepada En.Firdaus,En. Musdi b. Hj Shanat dan Prof Dr.Hj. Khairul Aidil Azlin b. Abd Rahman selaku penyelia saya kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta memberikan idea dan pandangan beliau dalam membantu menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada semua responden yang terlibat yang sudi memberikan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung disepanjang pengkajian ini dilakukan. Penghargaan ini di tujukan khas kepadarakan-rakan saya yang juga turut sama bersusah-payah membantu saya dalam menjalankan kajian serta berkongsi pandangan serta maklumat.

Penghargaan terakhir saya tujukan kepada insan yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberi sokongan kepada saya, iaitu kepada kedua ibu bapa saya. Saya juga tidak menafikan kemungkinan terdapatnya kekurangan dan kecacatan dalam penulisan buku ini. Justeru itu segala kritikan dan teguran yang membina amatlah diharapkan. Semoga dengan teguran yang diberikan akan menyempurnakan lagi penulisan buku ini. Justeru itu segala kritikan dan teguran yang membina amatlah diharapkan. Semoga dengan teguran yang diberikan akan menyempurnakan lagi penulisan buku ini bagi menjamin para pembaca agar mendapat manfaat yang maksima.

## **ABSTRAK**

### **“Kajian Sistem Pengeringan Pakaian Untuk Kediaman Yang Mempunyai Ruang Terhad”**

Penyelidikan adalah berkaitan tentang sistem pengeringan pakaian untuk kediaman yang mempunyai ruang terhad. Hasil penyelidikan ini adalah merupakan cadangan reka bentuk, konsep dan kepelbagaian fungsi pada rekaan ampaiian bagi mewujudkan penggunaan ampaiian pakaian yang lebih senang, cepat, selesa, mudah digunakan dan senang disimpan jika tidak diperlukan. Jika segala informasi di dalam penulisan ilmiah ini diaplikasikan secara serius dan rasional tidak mustahil kajian ini akan berjaya.

## **ABSTRACT**

### **“The Research of the Clothes Drying System for Residence That Has Restricted Space”**

This research was about the clothes drying system for residence that has restricted area. The result of the study were including of design proposal, concept, variability in function of the clothes line to provide and easy use clothes line, comfortable, fast way and easy to keep. If all the information in this research is applied seriously and rationally, it is not impossible that this research will achieve its goal successfully.



# ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ISI KANDUNGAN	vii

## **Bab 1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang masalah	2
1.2	Penyataan masalah	3
1.3	Objektif kajian	4
1.4	Hipotesis kajian	4
1.5	Skop kajian	5
1.6	Limitasi	5
1.7	Kesimpulan	6

## **Bab 2 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

2.0	Pendahuluan (Sumber pengumpulan data)	7
2.1	Definisi ampaian	7
2.2	kajian lepas	8
2.3	Kesimpulan kajian lepas	11
2.4	Metodologi penyelidikan	12

2.5	Kajian Kualitatif	12
2.5.1	Pemerhatian	12
2.5.2	Temuramah	13
2.5.3	Internet	13
2.5.4	Buku-buku rujukan jurnal	13
2.5.5	Fotografi	14
2.6	Kajian Kuantitatif	15
2.6.1	Soal Selidik	15

### **Bab 3 HASIL DAPATAN KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	16
3.1	Kajian kuantitatif	16
3.1.1	Soal selidik	16
3.2	Kajian kualitatif	17
3.2.1	Pemerhatian	17
3.2.2	Temuramah	17
3.3	Analisa Swot	18
3.3.1	Kekuatan	18
3.3.2	Kelemahan	18
3.3.3	Peluang	19
3.3.4	Ancaman	19
3.4	Dapatan Kajian Soal Selidik (Graf)	20

## **Bab 4 PRODUK AKHIR**

4.0	Cadangan Kajian	27
4.1	Cadangan Penyelesaian masalah	27
4.1.1	Contoh ampaian yang sedia ada dipasaran	28
4.1.2	Reka bentuk	28
4.1.2.1	Bentuk	28
4.1.2.2	Saiz	29
4.1.2.3	Keselamatan	30
4.1.2.4	Warna	30
4.1.3	Ruang	31
4.1.3.1	Ruang tempat letak pakaian	31
4.1.3.2	Ruang Perletakan	31
4.2	Cadangan Reka bentuk ampaian pakaian	32
4.3	Proses Reka bentuk	33
4.4	Perkembangan Idea	34
4.5	Produk akhir	35
4.6	Lukisan Teknikal	36
4.7	Kajian Ergonomik	36
4.8	3D dan Perincian	37

## **Bab 5 KESIMPULAN**

5.0	Pendahuluan	38
5.1	Kesimpulan	39
	RUJUKAN	40
	LAMPIRAN	

## **BAB 1**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Ampaian pakaian yang digunakan pada masa sekarang hanya digunakan di rumah sahaja. Ampaian mempunyai pelbagai jenis bentuk dan saiz mengikut keluasan tempat, kesesuaian dan keselesaan. Di kampung, ampaian dibuat sama ada di laman rumah atau di bahagian belakang rumah, di situlah pakaian disidai untuk dikeringkan. Zaman dahulu tidak mempunyai mesin basuh maka khudrat tangan diperlukan untuk memerah pakaian yang dibasuh sebelum pakaian disidai. Jika cuaca baik, pakaian yang disidai akan kering dalam tempoh beberapa jam sahaja. Paling tidak digemari ialah ketika waktu hujan, pakaian yang dibasuh kadang-kala mengambil masa dua tiga hari untuk kering kerana semuanya bergantung kepada cahaya matahari.

Di kampung ampaian dalam erti kata sebenar adalah dawai atau tali yang diikat pada dua kayu yang berbentuk 'T'. Ada juga ampaian diperbuat daripada kayu atau buluh panjang. Baju, kain dan sebagainya akan disidai di atas dawai, kayu atau buluh. Betapa kreatifnya orang kampung mencipta ampaian.

Di bandar-bandar besar lain pula ceritanya. Kisah ampaian menjadi masalah besar terutama di pangsapuri, flat malah di rumah-rumah teres sekalipun, apalah sangat kawasan sekitar di rumah yang disebut di atas cuma sekangkang kera. Sebab itulah, pemandangan kain baju disidai di beranda baik di hadapan atau belakang, tingkap, pagar sekeliling rumah atau di dalam rumah sekali pun kain baju boleh disangkut, maka di situlah biasanya pengguna meletakkan ampaian pakaian mereka.

Meski pakaian yang hendak disidai sudah dikeringkan airnya menggunakan mesin basuh, namun dek kerana tiada ampaian di luar rumah, kain baju disidai di dalam rumah. Bimbang kalau disidai di luar, tiada siapa yang akan mengambilnya jika hujan di tengah hari. Untuk mempercepatkan proses pengeringan, kadang-kala kipas siling dipasang sepanjang hari. Bukan sahaja cahaya matahari, malahah kipas angin memainkan peranan untuk mengeringkan baju di bandar.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Kajian ini akan mendalami aspek rekabentuk ampaian. Bagaimanakah penerimaan pengguna tentang ampaian ini dan mengkaji permasalahan yang timbul terutamanya yang melibatkan rekabentuk, ruang dan fungsi. Adakah ia mampu memenuhi keperluan dan dapatkah ia berfungsi dengan baik. Serta menilai sejauh mana keberkesanan kewujudan ampaian ini dipasaran.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Dalam kajian ini masalah utama yang dihadapi adalah dari segi reka bentuk ampaian itu sendiri. Permasalahan ini lebih menjurus kepada ketidaksesuaian bentuk dan ampaian yang tidak memenuhi spesifikasi kepenggunaan seperti yang telah ditetapkan. Selain itu, permasalahan lain yang dikenalpasti adalah dari segi ruang perletakkan ampaian. Merujuk kepada permasalahan yang telah ditimbulkan ini penyelidik berhasrat untuk mendalami segala permasalahan dan sebagai langkah awal penyelidik telah memilih lokasi-lokasi yang dikenalpasti dapat membantu dalam mendalami kajian ini. Antara lokasi pilihan yang menjadi tumpuan adalah ampaian yang terdapat di rumah-rumah seperti di tempat kediaman pelajar, rumah pangsa, teres, rumah perkampungan dan di kedai-kedai yang menjual pelbagai jenis ampaian. Lokasi ini dipilih kerana penyelidik merasakan kewujudan ampaian yang sesuai sangat penting memandangkan ia adalah untuk kepentingan seseorang individu dalam menjalankan kerja-kerja harian dengan mudah, cepat dan selamat.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji reka bentuk ampaian yang ergonomik ( mengetahui apakah elemen-elemen penting yang perlu diketahui terutamanya yang melibatkan postur badan ) selain itu juga penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui saiz yang sesuai bagi rekaan ampaian.

Disamping itu juga penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk membuat penyelidikan tentang identiti korporat sesebuah syarikat dari aspek logo, imej, dan warna dan perkaitan di antara ketiga-tiga aspek ini dalam rekaan.

Antara tujuan lain penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana produk ini mampu bersaing di pasaran memandangkan kepada kuantiti pengeluaran ampaian ini sangat terhad. Selain itu juga bertujuan untuk memperkenalkan reka bentuk baru yang lebih efektif , dan bersifat mudah alih, ringkas, dan mudah dikendalikan merupakan aspek utama yang dititikberatkan selain fungsi yang ada.

### **1.4 HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian terhadap reka bentuk ampaian untuk kediaman yang mempunyai rungan terhad ini dijangka akan menyelesaikan segala permasalahan yang berkaitan dengan reka bentuk sekaligus dapat memperkenalkan produk yang lebih efektif. Disamping itu juga dapat mencipta imej yang tersendiri kepada pengguna dan pembekal produk. Memberitahu kepada pengguna bahawa reka bentuk ampaian yang dihasilkan dengan



fungsi yang merupakan faktor utama yang harus diberikan penekanan berbanding dengan nilai estetik. Memastikan tahap reka bentuk yang bakal dikeluarkan mempunyai identiti yang tersendiri sekaligus menyelesaikan segala permasalahan yang dikenal pasti.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dibuat dalam skop mengenai reka bentuk industri dalam bentuk produk yang dihasilkan. Hal ini memudahkan pengkaji mengkaji skop kajian yang dijalankan dengan memahami keputusan bentuk berdasarkan bentuk dan fungsi, keperluan, penampilan bahan dan reka bentuk.

Reka bentuk ampaian untuk kediaman yang mempunyai ruangan terhad ini adalah dikaji hanya memfokuskan kepada keberkesanan penggunaannya serta penyelesaian masalah yang dihadapi oleh penghuni kediaman yang sempit.

## **1.6 LIMITASI**

Pada ampaian ini kapasiti muatan untuk ampaian ini ialah maksimum 20kg (satu basuhan mesin) dan tidak boleh melebihi berat yang telah ditetapkan. Mempunyai tempat menyangkut *hanger* yang stabil supaya pakaian tidak mudah jatuh manakala material yang digunakan untuk ampaian ialah *stainless steel*. Ampaian ini direka khas untuk diletakkan diruangan beranda supaya tidak mengganggu kerja-kerja harian penghuni rumah tersebut.

Penyelidikan terhadap tajuk tesis ini tidak dapat diteruskan kerana beberapa faktor yang tidak dapat di elakkan :

- 1) Tidak mendapat kerjasama daripada pihak yang terlibat
- 2) Masa yang agak terhad dimana borang kaji selidik tidak dapat dikumpul semula.
- 3) Sikap responden yang kurang serius dalam menjawab soalan yang di ajukan seterusnya menyukarkan penyelidik untuk membuat rumusan terhadap soal selidik yang di lakukan.
- 4) Lokasi kajian yang sukar di kenalpasti dan jauh dari tempat tinggal, kajian mendalam tidak di jalankan.

## **1.7 KESIMPULAN**

Dalam penyelidikan ini dari segi pengenalan, objektif, pernyataan masalah, hipotesis, skop kajian dan limitasi memainkan peranan penting pada permulaan sesuatu kajian yang hendak dilakukan kerana kaedah ini dapat memastikan segala produk yang ingin dihasilkan adalah mengikut keperluan dan kemahuan seseorang. Selain itu, ianya dapat menyakinkan sesuatu produk yang dihasilkan adalah berkesan dan diterima pada pandangan masyarakat.

## **BAB 2**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **2.0 PENDAHULUAN (SUMBER PENGUMPULAN DATA)**

Pengumpulan data adalah hasil daripada kajian lepas oleh penyelidik- penyelidik lain yang diperolehi daripada buku- buku, majalah, artikel dan internet. Kajian lepas ini merujuk kepada kajian- kajian yang telah dilakukan sebelum ini dan kajian ini dilakukan adalah untuk memperlengkapkan kajian terhadap tajuk tesis.

#### **2.1 DEFINISI AMPAIAN**

Dalam rutin harian kita ampaian merupakan alat sokongan atau bantuan kepada kita untuk mempercepatkan atau memudahkan aktiviti harian. Dalam kes ini penyelidik membuat penyelidikan yang lebih menumpu kepada ampaian di rumah yang mempunyai ruangan yang terhad . Penyelidikan terhadap ampaian ini dilakukan adalah berdasarkan permasalahan-permasalahan yang ketara di hadapi oleh suri rumah, pembantu rumah dan individu-individu yang menggunakan ampaian. Ampaian adalah tempat dimana pakaian dijemur untuk dikeringkan. Samada di bawah cahaya matahari atau di dalam rumah.

Dalam penyelidikan ampaiian ini, penyelidik lebih memfokus kepada permasalahan terhadap reka bentuk. Reka bentuk menjadi fokus utama kerana berdasarkan reka bentuk, fungsi sesuatu produk dapat dilihat.

Rekaan yang dikatakan ergonomik adalah rekaan yang mempertimbangkan beberapa faktor seperti faktor keselamatan, persekitaran, nilai estetika dan praktikaliti. Faktor keselamatan merupakan aspek yang paling penting kerana berdasarkan aspek ini terhadap keberkesanan ampaiian dapat dibuktikan. Keselamatan ini merangkumi sistem keselamatan dan diletakkan pada ampaiian tersebut sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Faktor persekitaran pula merujuk kepada faktor cuaca yang berlaku, samada yand dapat dielak atau tidak dapat dielak.

Keseimbangan diantara nilai estetika dengan kepraktikalan sesuatu ampaiian mampu menghasilkan sesuatu reka bentuk yang berkualiti, nilai estetika disini merujuk kepada imej, stail dan *material* yang digunakan manakala praktikaliti merujuk kepada saiz, ruang dan kemudahan yang disediakan

## **2.2 KAJIAN LEPAS**

1) Tajuk: The book of Shaker Furniture

Penulis: John Kassy

Tahun: 1988

Penerbit: Universiti of Massachusetts Press Amherst

Ulasan:

Ia menerangkan secara terperinci tentang pecahan- pecahan komponen secara lukisan bagi kelengkapan- kelengkapan seperti katil, kerusi, almari,

kabinet, kaunter, rak, tempat penyimpanan barangan dan meja. Selain itu, untuk memudahkan pembaca, John Kassy juga telah menyelitkan cara-cara pemasangan yang lengkap dengan ukuran untuk setiap rekaannya. Ia juga membincangkan tentang kualiti perabot, iaitu pemilihan tahap kualiti perabot atau keupayaan sesuatu perabot untuk berfungsi. Ini meliputi perkara seperti ketahanan, ketepatan atau kesahihan di dalam fungsinya dan ciri perabot dan bentuk perabot yang dapat menambahkan perbezaan terhadap perabot lain supaya kelihatan lebih menarik. Dari segi penggunaan material kebanyakan perabot hasil rekaan beliau adalah dari jenis *cherry, maple- hart, birch* dan *pine*.

## 2) Tajuk: Design and Aesthetics

Penulis: Jarry Palmer and Mo Dodson

Tahun: 1980

Penerbit: Routledge, London and New York

Ulasan:

Ia menerangkan tentang nilai- nilai estetik dalam rekaan dan pengkajian hubungan antara sejarah rekaan dengan teori estetik. Hasil maklumat yang dimuatkan dalam buku ini adalah sumbangan dari pihak yang telah lama menceburi bidang rekaan. Mereka berpendapat rekaan yang wujud sekarang banyak menimbulkan kontroversi. Rekaan- rekaan disini termasuklah rekaan dari segi perabot, pengangkutan, pakaian dan pembinaan.

3) [http://www.enetfurniture.com/shopping/heading.asp?head\\_id=7.html](http://www.enetfurniture.com/shopping/heading.asp?head_id=7.html)

Tajuk: Two for One Design (is your furniture as multi-task oriented as you are?)

Penulis: Barbara Dingle

Ulasan:

Artikel ini membincangkan tentang permasalahan yang melibatkan ruang. Banyak perkara harus dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan untuk membeli perabot, dalam kes ini perabot yang memenuhi keperluan dan mempunyai fungsi yang pelbagai menjadi pilihan di samping beberapa faktor yang lain seperti harga, saiz dan material yang digunakan. Kajian kes yang diberikan adalah merujuk kepada ruang dapur ini kerana ruang dapur selalunya sempit dan terhad. Dalam menangani masalah ini Barbara berpendapat kegunaan meja makan yang terdapat di ruang dapur dapat digunakan sebagai major biasa dan *trolley* yang dapat bekerja di keseluruhan kawasan dan bersifat mudah alih. Dengan penempatan dan permintaan di kalangan pengguna yang ingin perabot pelbagai fungsi, ramai pereka sudah mula bergerak setapak dalam memenuhi kehendak pengguna.

### **2.3 KESIMPULAN KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kajian lepas yang dibuat dapat disimpulkan disini bahawa kewujudan ampaian di sesebuah penempatan adalah sangat penting memandangkan kepada fungsinya. Kriteria- kriteria rekaan yang harus diambil perhatian terhadap ampaian ini dari segi saiz, ia haruslah bersesuaian dengan ketinggian pengguna serta dapat digunakan dalam waktu- waktu tertentu jika keadaan terdesak ( *multi purpose furniture*). Selain itu faktor keselesaan terhadap penggunaan ampaian juga harus diberi keutamaan, pastikan pengguna berasa selesa dan tidak bermasalah dengan penggunaan ampaian.

## **2.4 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Metodologi penyelidikan ini bergantung kepada kesesuaian kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara pemerhatian, wawancara/ perbualan telefon, borang kaji selidik, persampelan dan kaedah pembacaan. Kaedah-kaedah ini dipilih adalah kerana dirasakan maklum balas yang bakal diterima adalah lebih tepat, menjimatkan masa dan tidak membebankan mana- mana pihak yang terlibat.

## **2.5 KAJIAN KUALITATIF**

### **2.5.1 PEMERHATIAN**

Dari kaedah pemerhatian, tinjauan akan dilakukan untuk melihat gelagat dan persepsi pengguna terhadap produk ampaian ini. Tinjauan ini juga akan dilakukan di sekitar taman perumahan di Kota Samarahan, Tabuan dan Kuching. Kaedah ini dibuat secara rawak terutamanya di kawasan penempatan pelajar, kawasan bandar dan kampung yang mempunyai pelbagai jenis kediaman. Selain itu kaedah secara teori juga diaplikasikan dengan menggunakan kaedah menyelidik, kaedah pemerhatian dan kaedah tinjauan.